

01/09/1999

Peraduan bina rumah di lereng bukit diadakan November

KUALA LUMPUR, Selasa - Pertandingan membina rumah di lereng bukit bagi membuktikan pelaksanaan projek di kawasan berkenaan tidak menjejaskan alam sekitar, dijangka diadakan November ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Shafie Apdal, berkata kementerian sudahpun mengenal pasti dua kawasan yang sesuai untuk membolehkan pertandingan itu dijalankan iaitu di Bukit Jalil dan Hulu Klang.

"Pertandingan itu akan memberi penekanan utama dari segi pelan susun atur projek, mengelakkan pemotongan bukit dan penebangan pokok serta tidak merosakkan keadaan topografi kawasan pembinaan," katanya ketika dihubungi Berita Harian hari ini.

Januari lalu, kabinet mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menganjurkan pertandingan membina rumah di lereng bukit bagi mencari formula yang sesuai supaya pembinaan dikawasan berkenaan tidak menjejaskan alam sekitar.

Idea pertandingan itu dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dipersetujui dalam mesyuarat Kabinet yang turut membincangkan isu pembangunan kawasan tanah tinggi.

Shafie berkata, kementerian kini merangka syarat dan kriteria yang sesuai untuk membolehkan pemaju perumahan menyertai pertandingan itu.

Katanya, Jabatan Perumahan Negara adalah penganjur pertandingan itu dan mereka sudahpun menghubungi pihak lain dalam industri perumahan bagi meneliti syarat pertandingan.

(END)